

## GARIS PANDUAN BAGI PENGURUSAN JENAZAH ORANG-ORANG ISLAM LUAR NEGERI

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-8  
24-25 September 1984

### TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menguruskan jenazah orang-orang Islam yang meninggal di luar Negara.

### KAEDAH PENGURUSAN

1. Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika sekiranya keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang benar-benar memerlukan *post mortem* atau si mati tertelan benda yang berharga atau simati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.
2. Pengkebumian mayat di dalam peti yang tertutup boleh dilakukan dengan syarat muka simati dibuka dan tubuhnya dihadapkan ke arah qiblat.
3. Pemindahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan simati dipindahkan dalam keadaan yang baik dan sempurna.

### PENUTUP

Islam menggesa orang yang masih hidup supaya menjaga kemuliaan, hak-hak dan kehormatan orang yang telah mati sepetimana Firman Allah S.W.T:

وَلَقَدْ كَرِمْنَا بَيْنَ عَادَ وَحَمْلَنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ  
مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

*Maksudnya : "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan ".*

*(Surah al-Israa':70)*

A adalah diharapkan panduan yang diberikan dapat menjadi rujukan kepada seluruh umat Islam.

